



## 12 permohonan RMR Batu Danau diproses



**KUCHING:** Sejumlah 12 permohonan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Skim Individu bagi kawasan Batu Danau telah diterima dan diproses oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC).

Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah berkata daripada 12 permohonan tersebut, tujuh permohonan telah ditemu duga dan dicadangkan untuk kelulusan oleh ibu pejabat Syarikat Perumahan Negara

Berhad (SPNB).

Manakala, katanya baki lima permohonan belum dapat dijalankan proses temu duga disebabkan dokumen tidak lengkap seperti gagal mengemukakan salinan geran tanah, tidak mengemukakan nama pemohon kedua dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan.

“Surat makluman untuk mengemukakan dokumen yang tidak lengkap telah dikeluarkan oleh SPNB untuk tindakan pemohon,” katanya pada mesyuarat kedua bagi penggal pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-17, semalam.

Beliau menjawab soalan yang diajukan Paulus Palu Gumbang (BN-Batu Danau) kepada Kementerian Perumahan mengenai jumlah permohonan pinjaman bagi mendirikan RMR dari konstituensinya sehingga kini serta status kelulusannya.